

RISALAH USIM

The News Bulletin Of Universiti Sains Islam Malaysia

www.usim.edu.my

April-Jun 2010

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Issue no: 13



KRA USIM

“USIM harus fokus kepada *output* dan *outcomes* bagi memastikan prestasi serta produktiviti USIM terus utuh sejajar dengan 6 KRA USIM...”

**-Y.Bhg Profesor Dato' Dr. Muhammad Muda
Naib Canselor USIM**

**USIM Terima Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa Baru**

...m/s 24



**5 Penyelidik Muda
Hasilkan Tempoyak Segera**

...m/s 17



ISBN #78-967-5293-13-2
9 789675 295133



MS ISO 9001 : 2008 REG. NO. AR3454

Oleh : Noor Adibah Mohamad

TEORI KAUNSELING DAN PSIKOTERAPI EDISI KEDUA

Penulis: *Sapora Sipon & Ruhaya Hussin*

Tahun Terbit: 2010

Harga: RM 33.00

Buku ini membincangkan mengenai teori-teori kaunseling yang sering menjadi pegangan dan amalan kepada pengamal dalam bidang kaunseling. Penggunaan teori-teori ini membantu kaunselor dalam memberi sepenuh perhatian dan tenaga terhadap sesuatu punca masalah yang dialami oleh klien. Edisi kedua ini merupakan rentetan daripada edisi pertama yang telah diterbitkan pada tahun 2008. Kelainan yang terdapat antara edisi pertama dan edisi kedua ialah pertambahan perbincangan mengenai teori berkaitan kaunseling Islam, iaitu Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din dan pendekatan Islam dalam kaunseling dan psikoterapi. Buku ini turut membincangkan pendekatan yang lebih terkini seperti Terapi Asia, Terapi Eklektik Teknikal dan Terapi Ringkas Penyelesaian Berfokus.




PENGENALAN KEPADA PROFESION KAUNSELING

Penulis: *Sapora Sipon & Hapshah Yusof*

Tahun Terbit: 2010

Harga: RM 28.00

Buku ini menyediakan pembaca mengenai profesion perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang meliputi tajuk berkaitan faktor-faktor keperluan perkhidmatan serta sejarah perkembangan kaunseling di Malaysia dan juga di Amerika Syarikat. Selain itu, perbincangan ini turut meliputi tajuk kaunseling, bimbingan dan psikoterapi, jenis-jenis dan tempat perkhidmatan di Malaysia, sifat-sifat kaunselor, kaunseling individu dan ciri-cirinya, klien dan teori-teori kaunseling. Penulisan mengenai profesion kaunseling tidak akan lengkap jika tidak membincangkan mengenai kaunseling kelompok dan peringkat perkembangan kaunseling kelompok, kepentingan kaunseling di Jabatan kerajaan, kaunseling sekolah, kaunseling kerjaya, teknologi dalam kaunseling, peranan budaya dalam kaunseling, latihan dan penyeliaan kaunselor, perundingan dalam kaunseling serta etika dan perundangan dalam profesion kaunseling.



READING INSTRUCTION: THEORY AND PRACTICE

Author: *Harison Mohd Sidek*

Publication: 2010

Price: RM 25.00

This book offers insights into some theories and practices in first language reading which may serve as a platform for second language reading. Advancement in first language reading theories and instructional practices could be transferred to second language reading domain with appropriate modifications to suit the nature of second language reading. Therefore, second language reading practitioners and researchers might find this book to be particularly resourceful.




ESSAY ON ESL AND WRITING

Editors: *Normazla Ahmad Mahir, et al*

Publication: 2010

Price: RM 30.00

"The interesting feature of this collection of works is that it not only includes some of the common problems faced by many language learners but also some insightful ideas on teaching techniques in the ELT scenario in the country as well as the teaching of literature in small 'l'. The writers have put forward intellectual discussion focusing on the topics given; hence instigating ideas for readers to explore new areas for research." (Editors)



Sidang Redaksi **RISALAH USIM**

Penaung

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda
Naib Canselor

Penasihat

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Mohamed
Asin Dollah
Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni

Y.Bhg. Profesor Dr. Musa Ahmad
Timbalan Naib Canselor Akademik &
Antarabangsa

Y.Bhg. Profesor Dr. Bahrom Sanugi
Dekan Penyelidikan dan Inovasi

Y.Brs. En. Muhammad Haizuan Rozali
Pendaftar

Ketua Pengarang

Puan Yusrina Mohd Yunus
Penolong Pendaftar
Unit Komunikasi Korporat

Penolong Ketua Pengarang

En. Mohd Hariri Hj. Mohamad Daud
Penolong Pendaftar
Unit Komunikasi Korporat

Sidang Pengarang

Dr. Asma Abdul Rahman
En. Hisham Taky Eldin Kandil
Pn. Norhana Abdullah
Cik Noor Adibah Mohamad

Wartawan

Pn. Siti Maizatul Akmar Ismail

Fotografi

En. Kamarull Syamzari Kamaruddin
En. Mohd Yusrizal Mohd Yunus
En. Mohd Saepol Marpi

Konsep & Reka Bentuk

En. Mohd Saiful Abdul Samad
Cik Wahida Abbas
En. Shahreza Mohameddin

Reka Bentuk & Dicetak

Threecomm Design & Media



Pena Dari Ketua Pengarang

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Syukur Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur kita panjatkan kehadrat Allah S.W.T kerana kita dapat bertemu dalam RISALAH USIM keluaran pertama tahun 2010. Selawat dan Salam buat Nabi Muhammad S.A.W., sahabat dan keluarga baginda. Menelusuri era fasa kedua USIM.

Pada awal tahun 2010 ini, kita telah menerima cabaran yang cukup besar iaitu mengurus kewangan universiti dengan bajet yang terhad. Pada masa yang sama, kita diminta terus memberikan tumpuan terhadap kritikal agenda yang akan menjadi bidang keberhasilan utama iaitu KRA USIM dengan menyentuh aspek-aspek utama Universiti dengan seimbang. Pendekatan ini menjadikan kita lebih berfokus sekaligus melonjak USIM sebagai sebuah institusi bertaraf antarabangsa.

Justeru, marilah kita berdoa dan bertekad dengan menyahut seruan dan cabaran ini di era USIM sedang menelusuri fasa kedua 10 tahun yang akan datang. Pada penekanan kepada amalan kualiti, inovasi, dan semangat keserakahan harus menjadi titik tolak kepada kecemerlangan USIM pada masa akan datang. Segala azam dan impian yang telah digariskan tidak akan tercapai jika tiada keberanian, kecekalan, keikhlasan dan sikap toleransi dalam urusan kerja sehari-hari warga USIM.

Semoga tahun 2010 akan menjadi titik tolak kepada kemajuan dan kecemerlangan USIM pada masa akan datang. Pepatah Arab ada menyebut "Permulaan yang baik akan membawa kepada pengakhiran yang baik".

Akhir kalam, selamat maju jaya.

Sekian, terima kasih

Yusrina Mohd Yunus

Ketua pengarang





Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi lafaz syukur di panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'alā kerana dengan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama untuk terus bertekad bagi meletakkan USIM ke tahap yang lebih tinggi.

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) merupakan universiti yang sangat unik dan kehadirannya dalam arus perdana pengajian tinggi diharap akan dapat memberi momentum terhadap nilai tambah intelektual kepada generasi akan datang. Paduan antara ilmu Akli dan Naqli menjadi ramuan istimewa untuk menjadikan Universiti ini terus unggul dalam usaha merealisasikan kesepadan ilmu dalam seluruh aspek kehidupan, sebagaimana intipati Islam itu sendiri ada sains di dalamnya dan sains itu pula adalah salah satu tunjang kepada keilmuan Islam.

Pembudayaan ilmu akan terus menjadi teras kepada setiap aktiviti utama dalam melaksanakan agenda dan program di USIM. Justeru, pendekatan meletakkan Bidang Keberhasilan Utama USIM (USIMKRA) sebagai matlamat dan KPI serta pengukur atau indikator pencapaian USIM kian menampakkan bibit-bibit keberhasilan yang memberangsangkan. Kerjasama dan hubung jalin yang kukuh antara ketiga-tiga komponen utama universiti iaitu pelajar, tenaga akademik dan pentadbiran, serta pengurusan tertinggi, dan seterusnya keikhlasan dalam memainkan peranan serta tanggungjawab masing-masing, akan dapat memastikan kejayaan demi kejayaan terus dicapai.

Dengan disertai irungan limpah rahmat dan keredhaan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'alā, USIM akan terus mengorak langkah bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terbilang berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Salam hormat.

BERILMU • BERDISIPLIN • BERTAKWA

Yang benar,

PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA

Naib Canselor

Universiti Sains Islam Malaysia

Pelancaran Buku Melakar Jejak –biografi Mohd Yusof Noor

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Peranan beliau dalam mengukuhkan identiti Islam serta penubuhan Planetarium Kuala Lumpur merupakan jasa dan sumbangan beliau yang akan terus tercatat dalam rakaman sejarah pembangunan Malaysia.



YB.Datuk Seri Utama Rais Yatim menyerahkan penghargaan kepada Puan Hariza Mohd Yusof, penulis buku tersebut

Buat julung-julung kalinya penerbitan biografi Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dibukukan dan dilancarkan pada 5 Februari 2010 bertempat di Dewan Perdana Felda. Majlis ini dirasmikan oleh YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Dalam ucapannya, YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim melahirkan rasa bangga terhadap Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor dan melabelkannya sebagai tokoh yang sentiasa berpandangan jauh dan mempunyai wawasan serta daya optimis yang tinggi. Anak kelahiran kampung Raja, Besut Terengganu ini melangkah jauh dalam pelbagai bidang termasuklah sebagai ahli politik dan korporat yang berjaya.

Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam pentas politik dan banyak pembaharuan yang telah dilakukan mewarnai wajah Malaysia kini. Antaranya adalah seperti penubuhan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) dan idea mewujudkan dan mencipta Anugerah Tokoh Maal Hijrah dan Lagu Maal Hijrah.

Peranan beliau dalam mengukuhkan identiti Islam serta penubuhan Planetarium Kuala Lumpur merupakan jasa dan sumbangan beliau yang akan terus tercatat dalam rakaman sejarah pembangunan Malaysia.

Kejayaan beliau membangunkan FELDA dalam bidang korporat telah membuktikan bagaimana beliau mampu membina empat perniagaan untuk masyarakat FELDA yang pada masa dahulu dipinggirkan dan kini bertukar menjadi hamparan sawit yang penuh dengan limpahan rahmat dan rezeki orang FELDA.

Sejarah dengan dirinya yang menjadi Penggerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), sumbangan dalam bidang keagamaan diteruskan menerusi akademik bagi melahirkan pelajar yang mampu menjadi tokoh hebat serta mampu menjadi teladan kepada masyarakat berbilang kaum kerana universiti adalah platform yang cukup baik dalam melahirkan pakar dan tokoh dalam pelbagai bidang termasuk keagamaan.

Terbitnya buku biografi sebegini, memberi makna yang sangat mendalam kepada industri penerbitan buku negara. Ianya akan menjadi platform untuk merakamkan pengalaman, suka duka yang ditempuhi sepanjang rentetan masa dan mambawa generasi masakini untuk merenungi dan mencontohi segala semangat yang ada.

Pelajar FPQS Terjemah Buku Iqra' Braille

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

“

Untuk jangkamasa panjang, saya melihat USIM mempunyai potensi yang besar dalam menerajui penerbitan braille dalam bahasa arab memandangkan di negara ini tidak banyak penerbit buku yang berkebolehan dalam mengedit dan mencetak braille dalam bahasa arab.

”

Jika sebelum ini golongan cacat penglihatan hanya mempunyai bahan bacaan yang terhad, kini mereka dapat mempelbagaikan bahan bacaan mereka terutamanya dalam mempelajari buku-buku berdasarkan pendidikan Islam.

Atas dasar keprihatinan dan rasa tanggungjawab, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengorak langkah dengan mengambil inisiatif menawarkan subjek Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah yang dikendalikan oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

Menurut Puan Noor Najihan Jaafar, Pensyarah FPQS, subjek Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah ditawarkan kepada semua pelajar USIM yang mengambil kursus Pengajian Al-Quran dan Sunnah dan merupakan subjek wajib fakulti dengan 3 jam kredit selama satu semester.

Manakala tenaga pengajar subjek Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah terdiri daripada mereka yang terlatih dan pakar dalam Al-Quran Braille serta mendapat latihan khas yang dikendalikan oleh Persatuan Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

Mengulas cabaran mengajar subjek braille kepada pelajar-pelajar USIM, Puan Noor Najihan berkata, untuk permulaan, para pelajar diperkenalkan dengan perkara asas braille seperti sejarah braille, cara mengendali kertas dan mesin braille serta lain-lain perkara asas. Kemudian barulah mereka diperkenalkan dengan asas huruf braille dalam bahasa melayu, inggeris dan jawi.

Kesungguhan pelajar-pelajar USIM membantu golongan cacat penglihatan dalam pembelajaran dapat dilihat melalui projek ilmiah mereka dimana

mereka membuat transkripsi atau menterjemah Buku Sukatan Pelajar Sekolah Rendah Iqra' Jilid 1 hingga 6 ke dalam tulisan braille. Mereka mengambil masa lebih kurang 4 bulan untuk menterjemah buku Iqra' Jilid 1 hingga 6 secara berkumpulan. Manakala untuk proses mengedit dan mencetak dikendalikan oleh PERTIS.

"Apabila pembelajaran dan pengajaran subjek Aplikasi Braille dalam Pengajian Quran dan Sunnah di USIM telah mantap dari segi asasnya, mungkin boleh difikirkan untuk melangkah dengan lebih jauh lagi seperti mengadakan kerjasama dengan PERTIS dan Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) dari segi percetakan dan penerbitan serta perisian untuk Duxbury Translator in Arabic bagi kemudahan untuk golongan cacat penglihatan dan juga sukarelawan golongan cacat penglihatan", tambah beliau lagi.

Norhidayah Zainal Abidin, pelajar program Pengajian Quran Dengan Multimedia berkata, pertama kali mempelajari Al-Quran braille merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

"Memang agak sukar pada mulanya untuk belajar dalam Al-Quran braille dan ianya mengambil masa memandangkan sebelum ini saya langsung tiada pendedahan dalam perkara ini. Tetapi Alhamdulillah, hampir 4 bulan belajar, saya mampu menguasai subjek ini dengan bantuan pensyarah-pensyarah FPQS USIM", katanya lagi.

Manakala Siti Mariam Abdullah, pelajar program Pengajian Quran Dengan Multimedia berkata beliau seronok dan teruja untuk mempelajari subjek Al-Quran braille.

"Saya sangat seronok apabila dapat mempelajari sesuatu yang baru. Apa yang penting adalah menghafal dan mengingat kod braille. Jika diizinkan, saya ingin sekali membuat kajian tentang braille pendidikan Islam di Malaysia".

Di masa hadapan, mereka turut merancang untuk membuat transkripsi buku teks Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Buku Panduan Haji, Buku Tajwid dan Buku Berzanji secara sukarela.



Pelajar USIM sedang belajar mengendalikan mesin braille

Permata Insan Usim Lahir Teknokrat Islam

Oleh : Mohd Hariri Mohamad Daud & Siti Maizatul Akmar Ismail

Pepatah melayu ada mengungkapkan "Melentur Buluh biar dari rebungnya" sekaligus mengingatkan kita betapa pentingnya untuk mendidik kanak-kanak sebagai khazanah modal insan tidak ternilai. Idea berasas YABhg. Datin Seri Paduka Rosmah Mansor memperkenalkan Pusat Permata Negara memberi anjakan paradigma dalam pembangunan minda kelas pertama masyarakat Malaysia di atas slogan "Setiap Anak Permata Negera".

Demi menyahut seruan kerajaan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah mengambil inisiatif mewujudkan Pusat Permata Insan yang kini beroperasi di aras dua Bangunan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM. Jawatankuasa Program Permata Insan ini merangkumi jawatankuasa promosi, pembangunan USIM-1 dan pembangunan Kurikulum. Ahli jawatankuasa ini melibatkan kakitangan akademik dari pelbagai fakulti.

Program Permata Insan ini bermula apabila pihak USIM bersetuju menerima tawaran dari Kerajaan untuk melaksanakan program ini. Justeru itu pihak Universiti telah memberikan kepercayaan kepada pakar-pakar dalam pelbagai bidang berkaitan melibatkan kakitangan akademik, pengurusan dan

professional, serta sokongan. Ianya kerjasama di antara Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam usaha membimbangi golongan pelajar pintar menguasai ilmu agama dan keduniaan serta menghasilkan bakal ilmuwan dan pemikir Islam yang agung berteraskan Al-Quran dan As-Sunnah. Program ini melibatkan kanak-kanak yang berusia 8 tahun hingga 18 tahun.

USIM juga telah mengadakan kerjasama dengan Universiti King Abdul Aziz, Arab Saudi yang sudah mempunyai program seumpama ini dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan efektif sehingga ke peringkat antarabangsa.

Pusat Permata Insan USIM telah dirasmikan oleh YABhg. Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Penaung program PERMATA Negara pada 12 Mac 2010 di kampus USIM, Bandar Baru Nilai.

Dalam ucapannya, beliau menekankan tentang pentingnya peranan ibubapa dalam menjadi guru dan role model terbaik kepada anak-anak kerana kejayaan program ini amat bergantung kepada peranan ibu bapa.

Program Permata Insan ini akan mengambil pelajarnya menerusi proses saringan Ujian kecerdasan – UKM I yang

telah berlangsung antara bulan Mac-Mei. Setelah melepas tahap itu, mereka akan disaring sekali lagi melalui Saringan USIM I yang akan memperlihatkan kepintaran mereka dalam bidang pengajian agama. USIM I juga melihat kepada sahsiah peribadi dan keluarga dan komunikasi para pelajar. Buat pertama kali ini, Permata Insan akan mengambil 50 pelajar yang pintar agama dari seluruh negara. Pemilihan ini terbuka terbuka kepada seluruh pelajar-pelajar pintar di Sekolah Rendah Islam, Sekolah Agama Negeri, Sekolah Agama rakyat dan Swasta dan individu pelajar yang berminat.

**Hasil Program Permata
insan diharapkan dapat
melahirkan bakal pelajar
yang berorientasikan
Al-Quran yang mampu
membangunkan tradisi
keilmuan Islam yang
terbilang sesuai dengan
persekitaran dan
teknologi terkini.**



Mimbar Ilqa' USIM Beri Peluang Mahasiswa Bersuara

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

“

Saya berharap agar sudut pidato ini dipenuhi dengan ucapan-ucapan pidato yang bernalas dan tidak disalah guna sebagai medan untuk membuat kritikan dan tuduhan yang tidak berasas kepada mana-mana pihak,” katanya lagi.

”

Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda



Saranan dari Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Y.Bhg. Dato' Saifuddin Abdullah untuk menghidupkan semula sudut pidato di setiap universiti disambut positif oleh semua pihak termasuk Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

“Ia merupakan langkah USIM dalam usaha membina mahasiswa yang holistik dan berdaya gaji tinggi yang merupakan KRA USIM yang utama,” kata Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda.

“Dengan adanya sudut pidato di USIM, suasana di kampus akan menjadi lebih segar dan pelajar akan menjadi lebih matang dalam melontarkan idea dan buah fikiran,” tambah beliau lagi semasa melancarkan sudut pidato atau ‘Mimbar Ilqa’ di USIM baru-baru ini.

“Saya berharap agar sudut pidato ini dipenuhi dengan ucapan-ucapan pidato

yang bernalas dan tidak disalah guna sebagai medan untuk membuat kritikan dan tuduhan yang tidak berasas kepada mana-mana pihak,” katanya lagi.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor HEP dan Alumni USIM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah. Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar USIM, Saudara Muhammad Hilmi Juhari berkata, pelancaran sudut pidato di USIM merupakan satu peluang keemasan yang perlu di ambil oleh mahasiswa.

“Sudut pidato merupakan platform atau wasilah terbaik bagi pelajar untuk mengasah bakat kepimpinan dan pengucapan awam,” katanya.

Menurut Muhammad Hilmi lagi, Majlis Perwakilan Pelajar USIM sedang bekerjasama dengan Kelab Debat USIM dalam usaha untuk mempromosi dan menarik minat mahasiswa agar sudut pidato ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

MPP USIM 2009/2010 JANJI BERI KHIDMAT TERBAIK

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Bertunjangan frasa 'Memacu ke Arah Mahasiswa Holistik, Dinamik dan Matang' menjadi visi utama barisan kepimpinan baru Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) untuk sesi 2009/2010 yang terkandung dalam ucapan dasar YDP MPP dalam Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPP USIM.

Berpaksikan kepada slogan MPP "Synergic, Responsive, Concern", MPP USIM pada sesi kali ini telah menggariskan 4 misi utama dalam menterjemahkan teras kepimpinan mereka. Misi tersebut meliputi Kecemerlangan Ilmu dan Pembangunan Sahsiah Diri, Cakna Kebajikan Mahasiswa, Kepimpinan Melalui Teladan dan budaya inovasi dan Pengantarabangsaan.

Menurut Yang Dipertua MPP USIM Sesi 2009/2010, Saudara Muhammad Hilmi Juhari, bagi memastikan

kecemerlangan ilmu dan pembangunan sahsiah diri dapat dihayati oleh mahasiswa USIM, MPP USIM komited menekankan budaya ilmu dalam membantu pihak universiti untuk melahirkan mahasiswa yang cemerlang secara holistik.

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar USIM telah diadakan pada 21 Januari 2010 yang lalu. Sebanyak 24 kerusi dipertandingkan. Seramai 39 calon bertanding di mana 24 calon bertanding untuk merebut 16 kerusi Kawasan Fakulti dan 15 orang calon bertanding untuk merebut 8 kerusi Kawasan Umum. Seramai 4360 pelajar keluar mengundi pada tahun ini menjadikan peratus kehadiran sebanyak 91.06%. Seperti tahun sebelumnya, USIM terus melaksanakan pemilihan MPP secara on-line melalui sistem e-UNDI. Sistem ini telah digunakan sejak tahun 2006.

Majlis Penyampaian Watikah diakhiri dengan penyerahan tugas oleh saudara Muhammad Alif Ismail, Mantan Yang Dipertua MPP USIM kepada saudara Muhammad Hilmi Juhari sebagai simbolik pertukaran pucuk pimpinan baru barisan kepimpinan pelajar.

Berpaksikan kepada slogan MPP "Synergic, Responsive, Concern", MPP USIM pada sesi kali ini telah menggariskan 4 misi utama dalam menterjemahkan teras kepimpinan mereka. Misi tersebut meliputi Kecemerlangan Ilmu dan Pembangunan Sahsiah Diri, Cakna Kebajikan Mahasiswa, Kepimpinan Melalui Teladan dan budaya inovasi dan Pengantarabangsaan.



Mahasiswa Menyokong 1 Malaysia Memerangi Dadah

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Tema "1 Malaysia memerangi dadah" dipilih bersempena dengan Hari Anti Dadah Kebangsaan 2010 sangat signifikan dengan hasrat dan matlamat kerajaan untuk membanteras dadah menjelang 2015. Tarikh 19 Februari adalah tarikh keramat yang dicetuskan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad untuk memperingati akan tanggungjawab dan peranan rakyat Malaysia untuk memerangi dadah.

Bagi menyahut semangat "1 Malaysia memerangi dadah", Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan kerjasama Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengambil langkah proaktif menganjurkan Forum Kebangsaan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah 2010 atau PREVENT 10. Program yang berlangsung selama 3 hari bermula 18 hingga 20 Februari 2010 bertempat di USIM telah menghimpunkan 300 orang pelajar dari pelbagai institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Program yang sudah masuk tahun ketiga penganjuran menggariskan beberapa objektif iaitu untuk Membincangkan strategi dan pendekatan yang boleh dilaksanakan oleh mahasiswa IPT dalam menyelamatkan generasi baru dan ahli masyarakat Malaysia dari gejala dadah.

Selain itu juga program ini dapat meningkatkan kesedaran di kalangan warga IPT mengenai bahaya dadah dan kepentingan pencegahan penyalahgunaan dadah agar mereka bersama-sama mengambil tanggungjawab dan mengupayakan diri dalam pencegahan dadah.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri (Bahagian Keselamatan), Datuk Ahmad Fuad Bin Ab. Aziz, kerjasama dan komitmen daripada semua lapisan masyarakat terutama masyarakat mahasiswa, hasrat Kerajaan untuk mewujudkan IPTA bebas dadah dan negara bebas dadah menjelang tahun 2015, akan dapat direalisasikan sekali gus secara tidak langsung menyumbang ke arah pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Kementerian Dalam Negeri bagi mengurangkan 20% kadar jenayah jalanan yang dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah menjelang akhir tahun ini.

"Golongan belia amat digalakkan dan dipelawa untuk menjadi sukarelawan AADK seperti Masyarakat Wanita

Antidadah (MAWADAH), Rakan Antidadah (RADA), Jawatan Kuasa Pemulihan Dadah Daerah (JKPD) dan pertubuhan-pertubuhan NGO's bagi membantu AADK dalam melaksanakan program-program pencegahan, rawatan dan pemulihian dadah," katanya lagi.



TKSU KDN sedang melancarkan buku terbitan AADK



Sebahagian tetamu VIP yang hadir



Antara peserta yang menyertai seminar PREVENT

JPS Negeri Sembilan Kongsi Amalan 5'S Di USIM

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Seramai 25 kakitangan dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dari seluruh daerah Negeri Sembilan seperti daerah Kuala Pilah, Jempol, Jelebu, Port Dickson, Tampin dan Rembau mengadakan lawatan kerja ke Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 12 Januari 2010 yang lalu.

Puan Roslinda Abdullah, Penolong Pembantu Teknik Kanan JPS Daerah Seremban, Negeri Sembilan telah mengetuai lawatan ini. Menurut beliau tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mengenai amalan 5's di USIM.

Program 5's dipopularkan dan dipraktikkan di negara Jepun. Ia begitu popular pada masa kini sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta. Amalan 5's merupakan pendekatan yang berkesan untuk motivasikan pekerja, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa. 5's dalam bahasa melayu bermaksud sisih, susun, sapu, seragam, sentiasa amal.

Menurut, En. Mohd Salehudin Sukor, Penolong Pendaftar Unit Pengurusan Kualiti selaku Penyelaras 5's, hampir 2 tahun amalan 5's diaplikasikan di USIM. Untuk permulaan USIM telah mendapat khidmat nasihat dari Syarikat Integrated Kaizen dan pada 27 Mei 2007 USIM telah melancarkan amalan 5's di peringkat USIM.

"Sehingga kini kami meneruskan amalan 5's dengan membuat audit jabatan setiap bulan bagi memastikan semua warga USIM sentiasa mengamalkan pendekatan 5's", tambah beliau lagi.



"Untuk memastikan amalan 5's berterusan di kalangan warga USIM, Unit Pengurusan Kualiti telah menganjurkan pertandingan jabatan cemerlang yang akan diumumkan pada setiap bulan di Majlis Perhimpunan Bulanan Kakitangan USIM", kata beliau semasa menyampaikan taklimat mengenai 5's.

Turut diadakan sesi lawatan ke Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari dan Jabatan Canselor supaya mereka lebih memahami pendekatan amalan 5's untuk diaplikasikan di tempat kerja mereka.



“

Program 5's dipopularkan dan dipraktikkan di negara Jepun. Ia begitu popular pada masa kini sama ada dalam sektor awam mahupun sektor swasta. Amalan 5's merupakan pendekatan yang berkesan untuk motivasikan pekerja, meningkatkan produktiviti dan mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa. 5's dalam bahasa melayu bermaksud sisih, susun, sapu, seragam, sentiasa amal.

”

USIM Gondol Naib Johan Debat IKIM Tiga Tahun Berturut-turut

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

"Kalah dalam sesuatu perjuangan bukan bermakna kita gagal, tetapi kita belum menang", ungkap Saudari Ummu Umairah Azahari, pelajar tahun 4 jurusan Syariah dan Undang-Undang selaku pendebat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Berjaya menyandang Naib Johan dalam Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara Institusi Pengajian Tinggi kali ke-7 anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 12 Februari 2010, pasukan pendebat USIM akur dengan keputusan juri dan meletakkan ia sebagai cabaran untuk maju di masa hadapan. USIM telah menyandang Naib johan selama tiga tahun berturut-turut termasuk pada kali ini dan menerima RM 10,000, buku-buku terbitan IKIM dan sijil penyertaan. Manakala johan disandang oleh UIAM.

Menurut Saudara Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, walaupun hanya berjaya mendapat naib johan, ianya tidak mematahkan semangat untuk terus berusaha dan menerima dengan hati yang terbuka.



Barisan Pendebat USIM bersama Tun Abdullah Ahmad Badawi.

USIM membariskan empat pendebat utama iaitu Ummu Umairah Azahari, Mohd Ikhwan Mohd Rosseli, Mohammad Azri Naim Mohd Kamal dan Mohd Ridhuwan Remly. Selaku pihak pencadang, USIM berhujah diatas tajuk " Daya Cipta Dipupuk Bukan Semulajadi".

Sebanyak 16 buah Institusi Pengajian Tinggi yang menyertai pertandingan ini seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Petronas (UTP), Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) dan Universiti Teknologi Petronas (UTP).

Turut hadir, Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda. Menurut beliau, walaupun pasukan pendebat USIM hanya meraih naib johan, mereka telah berhujah dengan baik dan berharap pada masa hadapan mereka akan mencuba dan berusaha dengan lebih baik.

Hadiyah telah disampaikan oleh YABhg. Tun Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi, Pengerusi IKIM. Beliau berharap program ini dapat diteruskan pada masa hadapan dan dapat meningkatkan kefahaman tentang agama di kalangan mahasiswa/i.



YABhg Tun Abdullah sedang menyampaikan hadiah kepada pendebat USIM



Mohd Ikhwan sedang berdebat

Pelajar FST Hasil 7 Produk Makanan Baru

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

39 Pelajar Tahun 3 kursus Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi (FST), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sekali lagi menunjukkan daya inovasi yang tinggi apabila berjaya menghasilkan tujuh produk makanan baru menggunakan daya kreativiti dan pengetahuan yang dipelajari.

Produk makanan yang dihasilkan adalah Mushee-mushee-Kraker cendawan, Cittaya-Coklat dengan campuran buah naga, Cendawan Lekor – Campuran isi ikan dan cendawan, Mushmee – Campuran mee dan cendawan tiram, C-realicious – Cereal bar campuran dari buah-buahan dan kekacang, Tempower-serbuk tempoyak segera dan Taladish-Resepi Kuih Talam segera.

"Dengan terhasilnya produk sebegini menunjukkan bahawa pelajar USIM penuh dengan daya kreativiti dan inovasi hasil didikan pensyarah USIM yang mana hasilnya hampir setanding dengan produk di pasaran masakini"; kata Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda semasa merasmikan Hari Pelancaran Produk Baru kali ke-3 anjuran Fakulti Sains dan Teknologi USIM pada 7 April 2010.

"Tradisi ini harus menjadi penghayatan kepada semua pelajar diharapkan usaha ini akan berterusan dan meningkatkan kualiti graduan program Bioteknologi Makanan USIM kelak"; tambah beliau lagi.

Tempat pertama telah dimenangi oleh kumpulan Durianis yang menghasilkan serbuk tempoyak segera yang diberi nama Tempower. Ianya dihasilkan melalui proses fermentasi isi buah durian bersama sodium chloride diikuti dengan proses dehidrasi selama 24 jam sehingga menjadi serbuk. Produk ini di datangkan dalam bentuk serbuk dan menepati keperluan pengguna masakini yang sentiasa mengejar masa dan inginkan sesuatu yang tradisional tetapi mudah disediakan.



Pemenang tempat pertama, bergambar bersama hadiah yang dimenangi

Manakala tempat kedua telah dimenangi oleh kumpulan Mushmee yang menghasilkan campuran mee dengan suplemen cendawan tiram yang bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan kualiti dalam kandungan mineral tetapi mempelbagaikan kegunaanya dalam masakan.

Tempat ketiga berjaya disandang oleh kumpulan See-Foot Enterprise yang mempertaruhkan produk makanan Kraker Cendawan berkhasiat. Kraker ini mengandungi cendawan sebagai kandungan utama diikuti dengan tepung jagung, gula, garam, putih telur dan sedikit oregano untuk menambah perisa.

Masing-masing menerima hadiah wang tunai sebanyak RM200 untuk tempat pertama, RM150 dan RM100 untuk tempat kedua dan ketiga. Di samping itu juga mereka menerima hadiah tambahan sebanyak RM100 untuk setiap pemenang.



PRIDE Berkempen Di USIM

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Puan Rezki Perdani sedang menyampaikan cenderahati kepada Penasihat PRIDE

Kempen Kesedaran Kanser Payudara anjuran Yayasan Pink Ribbon Deeds (PRIDE) yang diadakan di Kampus Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pada 20 Januari 2010 mendapat sambutan yang menggalakkan. Program ini merupakan anjuran PRIDE dengan kerjasama USIM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Penasihat Yayasan PRIDE, Puan Nasirah Aris berkata kempen sehari itu bertujuan meningkatkan kesedaran tentang bahaya kanser payu dera kepada semua golongan terutama wanita.

Beliau berkata, PRIDE memberi tumpuan dan tunjuk ajar yang lebih kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) melalui pemeriksaan payudara sendiri kerana ingin memberi kesedaran bahawa kanser payudara tidak mengenal usia samada tua ataupun muda.

"Justeru itu, pentingnya rawatan dan pencegahan awal melalui pemeriksaan sendiri. Diingatkan juga kepada golongan lelaki bahawa mereka juga berisiko mendapat kanser payu dera walaupun bilangannya sedikit berbanding golongan wanita," katanya ketika menyampaikan ucapan aluan di majlis tersebut.

Menurut Puan Nasirah Aris, kempen ini merupakan salah satu program yang dirancang oleh PRIDE bagi tahun 2009/2010. Selain itu pelbagai program lain seperti 'Sale with PRIDE', 'Climb with Pride' dan pelbagai lagi aktiviti dirancang untuk pesakit kanser payudara.

Hampir 500 pelajar IPTA dan PTS menghadiri kempen ini. Antaranya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kolej Kejururawatan Murni dan Kolej Komuniti Jelebu.

Antara pengisian program ini adalah Ceramah Kesedaran Kanser Payudara oleh Dr. Siti Rokiah Kamarudin, Pakar Perubatan Keluarga LPPKN, Negeri Sembilan dan ceramah pemakanan sihat oleh Puan Nor Zariah Yusof, Pegawai Dietitik, Hospital Tuanku Jaafar, Negeri Sembilan.

Turut diadakan saringan kesihatan percuma seperti pemeriksaan BMI dan tekanan darah, pendaftaran subsidi mammogram oleh LPPKN, pemeriksaan percuma klinikal payudara dan pameran kanser payudara.

Program ini telah dirasmikan oleh Puan Rezki Perdani Sawai, Pengetua Kolej Kediaman Camelia Court USIM mewakili Naib Canselor USIM. Turut hadir, Puan Suriani Buang, Pengarah LPPKN, Negeri Sembilan.

“

PRIDE memberi tumpuan dan tunjuk ajar yang lebih kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) melalui pemeriksaan payudara sendiri kerana ingin memberi kesedaran bahawa kanser payudara tidak mengenal usia samada tua ataupun muda.

”



Kakitangan Yayasan PRIDE sedang sibuk di kaunter Pendaftaran



10,000 Kunjungi Karnival ‘JOM MASUK U’

Oleh : Mohd Hariri Mohamad Daud

Nilai, 7 Februari – 10,000 pengunjung membanjiri Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan untuk menyertai Karnival Pengajian Tinggi Negara atau lebih dikenali sebagai Karnival Jom Masuk U 2010 Zon 4 meliputi Negeri Sembilan dan Melaka.

Program yang berlangsung selama dua hari bermula 6 dan 7 Februari 2010 dari jam 9 pagi hingga 6 petang mendapat sambutan luar biasa daripada pelajar-pelajar sekolah termasuk calon PMR, SPM, STPM, STAM, ibu bapa, guru-guru, kaunselor dan masyarakat setempat yang turut sama memeriahkan karnival ini.

Program ini dianjurkan bersama Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran dan telah sampai di zon 4 selepas menjelajah tiga buah negeri iaitu Johor, Selangor dan Sabah. Selepas ini Karnival Jom Masuk U akan terbang ke Sarawak yang akan berlangsung di Permata Exhibition Centre pada 20 hingga 21 Februari 2010.

Sebanyak 104 booth pameran mengambil bahagian yang terdiri daripada 20 IPTA, IPTS, Agensi Kerajaan seperti Perbadanan Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Instiuisi Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan banyak lagi.

Naib Canselor USIM Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda berkesempatan meluangkan masa melawat booth pameran karnival berkata

“penganjuran karnival seperti ini memberi impak yang positif dalam memberi motivasi dan menambah minat pelajar untuk meneruskan pengajian di peringkat IPT”.

“Selain mendapat maklumat terkini tentang kemasukan ke IPT, pengunjung juga dapat mendapat informasi terus mengenai kursus, program, penajaan dan khidmat nasihat daripada urusetia IPT dan Agensi kerajaan yang terlibat” katanya.

Disamping itu juga, sebanyak 113 sekolah sekitar Negeri Sembilan dan Melaka terlibat dalam program taklimat pelajar yang disampaikan oleh 20 IPTA yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat, USIM. Program ini lebih menumpukan kepada pelajar-pelajar sekolah luar bandar untuk memberi pendedahan

pendidikan pengajian tinggi kepada mereka.

Menurut salah seorang pengunjung karnival iaitu Bavaani A/P Anbalagan pelajar tingkatan 5 SMK Serting Hilir Kompleks, Negeri Sembilan berkata “program ini sangat menarik dan membolehkan saya merancang masa depan serta meninjau kursus yang bersesuaian dengan minat saya antaranya di Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia”.

Selain itu, pelajar SMK Tinggi Perempuan Melaka Nadrah Izzati Ismail berkata, maklumat yang diperoleh di karnival seperti itu dapat membuka minda dan menetapkan hala tuju dalam mengikuti bidang pengajian yang akan dipilih oleh beliau nanti.



USIM Bekerjasama Reka Kit Ujian Produk Halal

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Prinsip halal adalah salah satu perkara yang sangat dititik beratkan dalam pemilihan makanan mengikut syariat Islam. Prinsip halal ini secara umumnya melibatkan dua perkara iaitu bagaimana sesuatu benda itu diperolehi dan adakah barang itu sendiri halal dari segi syariat Islam.

Dewasa ini isu halal hebat diperkatakan dan banyak kajian telah dibuat mengenainya tetapi kebanyakannya masih ragu-ragu untuk digunakan terutamanya bagi kaum muslimin. Kebanyakannya kurang menyedari bahawa terdapat bahan haram yang tersembunyi dalam sesetengah makanan yang dimakan oleh mereka.

Sejajar dengan objektif itu Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) melalui Institut Penyelidikan dan Pengurusan Halal (IHRAM) telah mengambil langkah proaktif dengan menjalankan kerjasama dengan Envo Green Sdn Bhd mengenai penyelidikan produk Porcine Rapid Test Kit atau dipanggil Kit Ujian Khinzir.

Melalui kerjasama ini USIM secara tidak langsung menyumbang kepada masyarakat Islam sedunia dalam membangunkan peralatan sains yang boleh memastikan makanan yang diambil adalah selamat dan bebas daripada bahan haram dengan menggunakan kepakaran dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) dan Institut Pengurusan Fatwa Sedunia (INFAD), USIM.

Kit Ujian khinzir atau Porcine Rapid Test Kit direka untuk mengesan kewujudan atau kehadiran khinzir dalam masa yang singkat. Ianya mudah digunakan dan tidak memerlukan kemahiran tertentu untuk mengendalikannya. Hanya campurkan sedikit air dengan produk yang hendak diuji. Kemudian masukkan Kit Ujian Khinzir ke dalam campuran berkenaan dan tunggu seketika untuk mendapat keputusannya.

Implikasi hasil kajian penyelidik USIM ini bukan sahaja untuk kebaikan USIM dan Envo Green, tetapi juga kepada masyarakat samada muslim atau tidak yang mementingkan kandungan makanan yang halal, sihat dan selamat untuk dimakan. Ini

kerana bagi masyarakat Islam di Malaysia, keperluan kepada makanan halal itu adalah sangat penting kerana terdapat sesetengah tempat makan kurang sensitif mengenai konsep halal dalam penyediaan makanan.

Menurut Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, di masa hadapan, beliau berharap agar kerjasama dan hubungan bilateral antara Ulama di Malaysia dan Ulama dalam Persekutuan Rusia dalam bioteknologi dan industri halal akan lebih erat. Dan kerjasama ini diharapkan dapat membuka gerbang ke arah hubungan yang kuat di antara universiti dan industri.



Memorandum Halal Hub

“

Kit Ujian khinzir atau Porcine Rapid Test Kit direka untuk mengesan kewujudan atau kehadiran khinzir dalam masa yang singkat. Ianya mudah digunakan dan tidak memerlukan kemahiran tertentu untuk mengendalikannya. Hanya campurkan sedikit air dengan produk yang hendak diuji. Kemudian masukkan Kit Ujian Khinzir ke dalam campuran berkenaan dan tunggu seketika untuk mendapat keputusannya.

”



Lensa USIM





5 Penyelidik Muda Hasilkan Tempoyak Segera

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Durian merupakan salah satu tanaman buah-buahan yang penting di negara ini. Sebahagian besar pengeluaran durian adalah untuk memenuhi permintaan tempatan dan hanya 0.1% sahaja digunakan untuk pemprosesan. Durian mempunyai potensi untuk diproses, tetapi pemprosesan hanya dilakukan apabila terdapat buah yang berlebihan atau apabila sebahagian buah rosak atau mutunya menurun dan tidak sesuai untuk dijual segar.

Pusat Penyelidikan Makanan, MARDI telah menghasilkan pelbagai jenis makanan berdasarkan durian seperti snek durian, sos tempoyak dan sebagainya. Namun, inovasi kepada durian dalam bentuk serbuk belum ada dipasaran. Malah, permintaan juga tinggi bagi mereka yang ingin ke luar negara namun masih mahu menikmati makanan mereka ala tradisi melayu seperti tempoyak yang ralatnya kerana masalah bau. Kini, masalah itu dapat diatasi dengan terhasilnya serbuk tempoyak yang mudah disediakan dan senang dibawa ke mana sahaja.

Hasil daya kreatif dan inovatif 5 anak muda tahun 3 Fakulti Sains dan Teknologi (FST) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang terdiri daripada lima orang ahli iaitu Nor Amirah Zulkifli, Siti Noorain Yusoff, Norfasihah Kaanis,

Norul Aidah Zakari dan Khairul Muna Abu Bakar menghasilkan tempoyak segera atau diberi nama Tempower. Tempower merupakan serbuk tempoyak yang telah diproses hasil dari pemeraman isi buah durian. Untuk menghasilkan serbuk tempoyak, tempoyak yang telah diperam, diadunkan bersama agen pengikat iaitu Maltodextrin.

Tujuannya adalah untuk mengikat air dan tempoyak agar iaanya melekat dan tidak terburai. Kemudian adunan tersebut ditambahkan dengan sedikit Carboxymethylcellulose iaitu agen pemekat yang berperanan untuk memekatkan serbuk tempoyak agar kelihatannya seperti tempoyak asli.

Setelah adunan sebatik, ratakan di dalam dulang leper dan dimasukkan ke dalam dehidrator untuk proses dehidrasi selama 24 jam. Proses ini bertujuan untuk mengeringkan air. Setelah di nyahhidrasi selama 24 jam tempoyak itu akan menjadi kering dan dikisar supaya iaanya lebih halus. Serbuk tempoyak yang dihasilkan kemudiannya dibungkus dalam plastik dan diletakkan dalam kotak.

Menurut Khairul Muna Abu Bakar, pelajar tahun 3 Kursus Pembangunan Produk, beberapa penambahbaikan akan dibuat terutama dalam proses pembungkusan dan struktur.

"Penggunaan plastik pembungkus yang lebih baik akan digunakan untuk mengurangkan bau tempoyak sekiranya produk ini dapat dikomersialkan", katanya.

Idea untuk menghasilkan Tempower atau tempoyak segera adalah berdasarkan survey dari kawan-kawan dan keluarga. Disamping itu juga mereka menginovasikan tempoyak agar iaanya menjadi lebih mudah dalam proses penyediaannya dan mudah dibawa ke mana sahaja serta tidak berbau.

Menurut Norul Aidah Zakari, mereka berharap agar produk ini dapat dipasarkan sekaligus dapat memperkenalkan makanan tradisi melayu di peringkat antarabangsa.

"Saya juga berharap agar budaya inovasi ini dapat diterapkan kepada semua pelajar USIM. Sebelum mencipta sesuatu produk mereka seharusnya membuat kajian dan pemerhatian terhadap kehendak dan kemahiran pengguna. Apa yang penting adalah sentiasa membuka minda dan berfikir di luar kotak fikiran untuk maju ke hadapan", kata beliau lagi.



Kepimpinan Transformasi Bina Budaya Kerja Cemerlang

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



"Kepimpinan Transformasi merupakan kemampuan yang membolehkan pemimpin mengenali keperluan untuk berubah dengan mencipta wawasan, membimbing perubahan dan melaksanakan perubahan dengan berkesan seterusnya perubahan yang dibawa akan memberi kepuasan dan meningkatkan motivasi dikalangan orang bawahannya", kata Y.Berusaha En. Muhammad Haizuan Rozali, Pendaftar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai pembuka bicara program Bicara Kepimpinan Pragmatis pada

8 April yang lalu. Tajuk 'Kepimpinan Transformasi Dalam Membina Budaya Kerja Cemerlang' dipilih oleh Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas USIM atau dikenali sebagai PRAGMATIS dalam memupuk motivasi yang tinggi dikalangan warga USIM.

Menurut beliau, Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah tungggak pengurusan Universiti yang berperanan memimpin subordinat, membina dasar dan polisi, keterlibatan dalam tadbir urus serta membuat keputusan.

“ Berlakunya dualisme atau dikotomi dalam sesuatu organisasi itu adalah kerana wujudnya tindakbalas dari segi persepsi, kepercayaan, nilai dan tindakan terhadap kebolehan seseorang atau sesuatu kumpulan ”

"Pemimpin cemerlang adalah pemimpin yang melebarkan kepimpinan dengan melatih pengganti yang lebih baik daripada dirinya. Usaha membimbing pegawai-pegawai baru oleh pegawai-pegawai senior perlu dijadikan budaya dan tidak menganggap mereka sebagai saingan" kata beliau lagi.

Dalam usaha menjadikan USIM sebagai model pengurusan Islam, beliau menekankan bahawa hubungan antara kakitangan akademik, kakitangan Pentadbiran baik dari kumpulan Pengurusan dan Profesional mahupun Sokongan perlu ada simbiosis tanpa dikotomi (pengasingan).

"Berlakunya dualisme atau dikotomi dalam sesuatu organisasi itu adalah kerana wujudnya tindakbalas dari segi persepsi, kepercayaan, nilai dan tindakan terhadap kebolehan seseorang atau sesuatu kumpulan" tambah beliau lagi.

Memetik petua khas mantan Ketua Pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang kini merupakan Felo Utama di USIM, "Kecemerlangan seorang pegawai adalah kesan daripada budaya cintakan ilmu, seminar dan bengkel serta galakan menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi bagi mendalami sesuatu ilmu" ulas En. Muhammad Haizuan lagi.



USIM Jalankan Kerjasama Dengan Menteri Mentor

Oleh : Mohd Hariri Mohamad Daud



Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah melantik Menteri Kabinet sebagai Menteri Mentor bagi semua 20 IPTA untuk merapatkan lagi hubungan baik Universiti dan Menteri Kabinet. Peranan Menteri Mentor menjadi satu anjakan paradigma baru dalam usaha Kementerian Pengajian Tinggi membangun kualiti pengajian tinggi khususnya di IPTA.

Saranan dan hasrat ini disambut baik oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang mengadakan pertemuan dengan Y.B. Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom selaku Menteri Mentor USIM pada 7 Januari 2010 yang lalu.

Pertemuan yang diadakan di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dihadiri oleh Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr Muhamad Muda serta Ahli Majlis Pengurusan Universiti Sains Islam Malaysia. Turut hadir dalam pertemuan ini Setiausaha Politik Y.B Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Y.B Haji Sahbudin bin Haji Yahaya.

Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr Muhamad Muda berkata, pertemuan ini

“ Menurutnya, “USIM berpotensi besar dalam melahirkan pendakwah dan tokoh agama berwibawa untuk merancakkan arena dakwah di Malaysia khususnya. Permintaan tenaga kerja yang berlatarbelakang pengajian Islam sangat diperlukan di Malaysia seperti di institusi perbankan, kewangan Islam dan institusi dakwah.” **”**

diatur untuk membolehkan USIM beramah mesra dengan Menteri Mentor sekali gus membentangkan Key Result Areas (KRAs) dan aktiviti yang akan dijalankan di USIM sepanjang tahun 2010.

Y.B. Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom dalam ucapannya berkata, beliau menyambut baik peranan yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan bersedia untuk membantu serta memberi idea kepada pembangunan fizikal dan intelektual di USIM. Menurutnya, “USIM berpotensi besar dalam melahirkan pendakwah dan tokoh agama berwibawa untuk

merancakkan arena dakwah di Malaysia khususnya. Permintaan tenaga kerja yang berlatarbelakang pengajian Islam sangat diperlukan di Malaysia seperti di institusi perbankan, kewangan Islam dan institusi dakwah.”

Selain itu, beliau juga menyatakan hasrat untuk bertemu dengan pemimpin mahasiswa dan seluruh mahasiswa USIM disamping beramah mesra dengan mereka. Tambah beliau “Alam mahasiswa adalah alam yang penuh dengan cabaran untuk meningkatkan daya fikir intelektual,

mencari identiti diri dan merencana masa depan. Justeru, pegangan agama dan jati diri menjadi benteng ampuh dari pelbagai cabaran dunia tanpa sempadan”.

USIM juga telah mengatur beberapa program dan aktiviti bersama Menteri Mentor yang turut melibatkan pelajar dan kakitangan USIM seperti Perhimpunan bulanan USIM, sambutan 10 Tahun USIM, Sambutan Maulidur Rasul dan banyak lagi.

ANUGERAH KECEMERLANGAN SISWA TINGKAT MOTIVASI PELAJAR

Oleh : Mohd Hariri Mohamad Daud



Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) buat kali keduanya telah menganjurkan Majlis Anugerah Kecemerlangan Siswa USIM 2009 bertempat di Hotel Pan Pacific, KLIA pada 8 Januari yang lalu.

Majlis tersebut merupakan malam kemuncak pengiktirafan pencapaian dan sumbangan kepada pelajar USIM diatas kecemerlangan yang telah dicapai. Usaha ini dilihat dapat meningkatkan minat serta menambahkan softskills dikalangan pelajar melalui penglibatan di dalam program-program pembangunan sahsiah dan seterusnya menghargai sumbangan dan ketokohan mereka.

Sebanyak 10 anugerah yang terdiri daripada 15 kategori telah dianugerahkan kepada pelajar/kumpulan/pasukan/badan pelajar yang dicalonkan berdasarkan sistem merit yang dibangunkan. Anugerah –anugerah itu antaranya ialah Anugerah Jasa Bakti, Anugerah Cemerlang Sukan, Anugerah Cemerlang Seni, Anugerah Cemerlang Kepimpinan, Anugerah Perdana Siswa, Anugerah Khas HEP dan beberapa anugerah lagi.

Profesor Dato' Dr Muhamad Muda, Naib Canselor USIM dalam ucapannya menyatakan, majlis seumpama ini adalah satu budaya yang patut

diteruskan bagi meningkatkan motivasi dalam diri pelajar serta meningkatkan semangat berpersatu di kalangan mereka. Di samping itu, ia juga memperlihatkan bahawa pihak pengurusan universiti menerusi Bahagian HEP sentiasa memberi sokongan dan menghargai sumbangan para pelajar yang aktif dan berbakat dalam mengendalikan pelbagai program sama ada di peringkat universiti, komuniti, kebangsaan maupun antarabangsa.

Tambah beliau "7 aspek Kemahiran Insaniah yang akhirnya akan membentuk para pelajar menjadi seorang individu yang berpersonaliti unggul iaitu komunikasi, kepimpinan, kerja berkumpulan, pemikiran kritis, nilai dan etika, pembelajaran sepanjang hayat dan keusahawanan".

Dalam majlis ini, pelajar Fakulti Syariah dan Undang-Undang Saudara Mohd Razlan Ahmad dan Saudari Nurul Hayati dari Fakulti Perubatan telah dipilih sebagai penerima Anugerah Perdana Siswa serta Anugerah Perdana Siswi. Masing-masing menerima wang tunai RM 300, trofi dan sijil penghargaan. Urusetia Sukan & Rekreasi pula dipilih sebagai penerima Anugerah Perdana Emas yang mengalahkan 20 persatuan pelajar lain serta menerima sebuah notebook, trofi dan sijil penghargaan.

Mantan Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr Abdul Shukor Haji Husin dipilih sebagai penerima Anugerah Khas HEP sebagai penghargaan diatas jasa dan bakti beliau dalam memberi sokongan padu kepada kecemerlangan aktiviti pelajar.



IRAMA GEMERSIK TIRAI BESI-Pelajar USIM dan penghuni penjara gabung idea cipta lagu



Nash dan siso selaku juri di pertandingan saringan

Rasa tanggungjawab dan kesedaran yang tinggi dalam mendekatkan penghuni penjara dengan masyarakat umum serta mengubah persepsi umum mengenai penghuni penjara, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Jabatan Penjara Malaysia yang dikendalikan oleh Penjara Kajang telah menganjurkan Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA) 2010.

Program yang merupakan kali ketiga ini bertujuan untuk menyemarakkan aktiviti promosi dan pembangunan sahsiah dikalangan warga kampus agar dapat melahirkan mahasiswa yang peka kepada persekitaran masyarakat khususnya pelajar sekolah. Disamping itu memupuk kerjasama dan kesedaran dalam penyertaan mahasiswa, kakitangan dan penghuni penjara yang terdiri dari pelbagai kaum dan etnik di Malaysia.

Pertandingan saringan Festival Cipta Lagu Patriotik 2010 telah diadakan pada 19 Mei 2010, bertempat di Penjara Kajang. Sebanyak 15 buah lagu hasil ciptaan pelajar USIM dan 15 buah lagi dari Penghuni Penjara seluruh Malaysia berentap untuk di pilih ke peringkat akhir yang bakal berlangsung pada 7 Ogos 2010 bertempat di Auditorium Cempaka Sari Putrajaya. Pihak juri yang terdiri dari penyanyi Nash dan Siso memilih 4 lagu terbaik dari USIM dan 4 lagu terbaik dari penjara yang menjadikan 8 buah lagu bakal bertanding ke peringkat akhir.



Pelajar USIM sedang membuat persembahan

Nash yang merupakan salah seorang juri di peringkat saringan berkata, "Kebanyakan lagu yang dihasilkan mempunyai kualiti dan boleh diketengahkan. Sejurnya saya akui lagu yang dihasilkan oleh penghuni penjara lebih jujur dan menyentuh jiwa. Ini kerana melodi yang dihasilkan datang dari perasaan yang nampak ketara secara peribadi".

"Tetapi lirik yang di hasilkan oleh pelajar USIM lebih puitis bahasanya. Ini mungkin disebabkan persekitaran mereka yang kaya dengan ilmu dan bahasa-bahasa indah. Mereka sangat berpotensi tetapi perlu ada jiwa tersendiri dalam mencipta lagu agar ianya nampak lebih jujur dan asli".

"Saya sangat menyokong usaha yang telah dilakukan oleh USIM dan berharap agar program bersifat patriotik ini dapat dilakukan secara menyeluruh merangkumi segenap masyarakat. Lagu patriotik tidak semestinya terlalu rigid, tetapi harus

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

bersahaja, mudah difahami dan diterima oleh masyarakat", tambah beliau lagi.

Menurut Nur Fatimah Zaharah Ahmad, 22, dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, penyertaan beliau merupakan kali ketiga dan pada kali ini beliau mempertaruhkan lirik dan lagu hasil ciptaananya.

"Sekiranya lirik atau lagu saya terpilih ke peringkat akhir, saya lebih suka memberikan kegembiraan itu kepada penghuni penjara yang bersama-sama bekerjasama dalam menghasilkan lirik dan lagu tersebut. Ini merupakan hadiah kepada mereka atas daya usaha mereka menghasilkan lirik dan lagu yang mantap untuk halwa telinga umum. Di samping itu juga program sebegini dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa walaupun USIM tidak mempunyai aliran muzik, tetapi pelajar USIM mampu menganjurkan menghasilkan lirik dan lagu dengan baik", tambah Nur Fatimah Zaharah Ahmad.

Shahril (bukan nama sebenar) yang merupakan salah seorang penghuni penjara yang mengambil bahagian berkata, "Saya telah menggubah 5 buah lagu dan 4 lagu terpilih untuk ke peringkat saringan. Sekiranya lagu saya terpilih ke peringkat akhir, saya sangat bersyukur dan gembira.

Saya berpendapat program sebegini sangat bagus terutamanya bagi penghuni penjara untuk mengisi masa lapang di samping dapat mengasah bakat seni", tambah beliau lagi.



Pelajar USIM sedang bergambar di depan penjara kajang

Y.Bhg. Profesor Dr. Abdul Samat Musa

By Hisham M. Taky Eldin Kandil

“ Profesor Abdul Samat has had numerous administrative duties at USIM besides being a professor and the dean of FSU. One of his most prominent administrative posts was being the acting director of the World Fatwa Management & Research Institute (INFAD) from 2003 through 2008. ”



Profesor Abdul Samat Musa is one of the longest-serving deans, if not “the” longest-serving dean to date, of USIM, having been at the helm of the Faculty of Shariah and Laws (FSU) since September 2002, a period of almost eight years. He took over the dean’s post from Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh, the acting dean of the Faculty of Shariah and Judiciary, as FSU was then known.

Like many of USIM’s senior administrators and academicians, Prof. Abdul Samat came to USIM after having served the National University of Malaysia (UKM) for many years. But unlike his colleagues, many of whom hail from Pahang, Selangor or Negeri Sembilan, he is from Kelantan.

Education & Academic Career

Born in 1951 in Kota Bharu, Abdul Samat Musa received his primary education at Sekolah Rendah Kebangsaan Panji from 1957 through 1963. He then went to study in Madrasah Tarbiyyah Mardhiyyah Arabic School for his lower secondary years, and following this, entered Ma’had Muhammadi Lilbanin in Kota Bharu in 1968 to finish off his secondary education.

In 1970 he pursued Islamic Studies at the famous Muslim College of Petaling Jaya for a year, followed by another year at the equally famous Muslim College of Klang, following which he enrolled in UKM to get an undergraduate degree in Islamic Studies, majoring in Shariah. In 1976 he obtained the Bachelor of Islamic Studies with honors and a year later received a diploma in education, also from UKM.

After working as a tutor for a few years, he continued his studies for a postgraduate degree at the University of Malaya and obtained a Master’s degree in Law (LL.M) in 1980, one year after he had been promoted from the position of tutor to that of lecturer.

In January 1984, after having been confirmed in service as a lecturer, he began his study leave in Manchester, England, to get a Ph.D in Law. Five years later, he secured the doctorate degree and acquired the title of “Dr.” and nine years after getting his Ph.D, Dr. Abdul Samat Musa became an Associate Professor at the age of 46 in 1997. In 2002, he was promoted to the position of Professor, and joined the Faculty of Shariah and Judiciary of USIM when the university campus was still in Jalan Perkasa and Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Prof. Abdul Samat has had numerous administrative duties at USIM besides being a professor and the dean of FSU. One of his most prominent administrative posts was being the acting director of the World Fatwa Management & Research Institute (INFAD) from 2003 through 2008.

Evolution of INFAD & FSU

During those years, INFAD witnessed tremendous development. For example, the institute held regular Muzakarah Fatwa and discourse sessions to discuss various issues that are relevant to or are affected by Islamic edicts or fatwas. In addition, INFAD has displayed its research and various activities at the annual Qur'an Reading Competition venue and at other national and international events in order to publicize its cause and to make the general public become aware of it. Moreover, the members of INFAD under the leadership

of Prof. Abdul Samat have managed to visit almost all the state Islamic councils in Malaysia.

The Faculty of Shariah and Laws continues to evolve under the stewardship of Prof. Abdul Samat. When it began, FSU was a small faculty although it was one of the pioneer faculties of the Islamic University College of Malaysia (KUIM), now known as USIM. Slowly it has grown, both in terms of staff and student population as well as in its academic offerings. Today, there are two main undergraduate programs, namely the English language-based Shariah & Law program, and the Arabic language-based Fiqh & Fatwa program. Postgraduate students can choose to pursue a Master’s in Shariah, a Master’s in Law, a Master’s in Comparative Law, as well as a Ph.D in Shariah & Judiciary.

One of the unique features of FSU is its annual Tuanku Najihah Syariah & Law Lecture. A distinguished scholar or practitioner of law and judiciary, whether from Malaysia or from overseas, is usually invited to give a lecture on a topic that is relevant to Shariah and law. The lecture, which is normally attended by FSU students and USIM staff as well as invited guests, is graced by the presence of HRH Tuanku Najihah, the Chancellor of USIM. To date four such annual lectures have taken place.

Prof. Abdul Samat has had extensive experience as an academician. He has supervised scores of research projects and theses at both the undergraduate and postgraduate levels and has been an external examiner many times. He has taught numerous courses, including Constitutional Law, Shariah & Contemporary Issues, Comparative Law, Malaysian Constitution, Constitutions of Islamic Countries, and Fiqh Texts, among many others.

In addition, he has written and presented research papers at various seminars and conferences, both locally and overseas. Prof. Abdul Samat is also widely published, having written or edited whole books, articles in books, magazine articles, features in newspapers, and journal articles. He has also done much consultancy work to the benefit of various organizations and institutions of higher learning in Malaysia.

With all his administrative and academic duties and chores, it is surprising that when you meet Prof. Abdul Samat, you will be faced with a soft-spoken, calm man who understands three languages (Malay, English, and Arabic) very well and who may even manage to flash you a shy smile despite everything.

FSU RANGKUL JOHAN KESELURUHAN DEBAT PIALA NAIB CANSELOR USIM

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

Bermotokan "Membina Pewaris Legasi Gemilang" Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM 2010 yang berlangsung pada 5 hingga 13 Mac 2010. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Unit Kepimpinan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar ini telah berlangsung di bangunan Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Kejohanan pada kali ini mendapat penyertaan penuh daripada 8 fakulti termasuk Pusat Tamhidi.

Fakulti Syariah dan Undang-Undang telah dinobatkan sebagai pemenang Piala Pusingan Kejohanan Debat Piala Naib Canselor USIM. Ini bermakna, FSU sekali lagi berjaya mempertahankan Piala Pusingan Naib Canselor yang dimenangi oleh mereka pada tahun lalu daripada dirampas oleh fakulti lain yang bertanding.

Bagi kategori Debat Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah menewaskan Fakulti Syariah dan Undang-Undang yang sekadar berpuas hati sebagai Naib Johan. Johan berjaya membawa pulang Piala Pusingan, Piala Irlungan dan Sijil manakala Naib Johan membawa pulang Piala Irlungan dan Sijil.

“...kemahiran pengucapan awam seperti debat dan pidato merupakan satu nilai tambah kepada mahasiswa untuk membina karakter diri mereka. Disinilah mahasiswa dapat menyuarakan pandangan dan idea yang kritis serta mengupas isu-isu yang diperdebatkan dengan fakta secara rasional. **”**



Manakala Kategori Bahasa Inggeris pula Pusat Tamhidi membuktikan kebolehan mereka berbanding pasukan senior dengan menewaskan pasukan dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang. Bagi Kategori Bahasa Melayu pula, Fakulti Syariah dan Undang-Undang terpaksa berpuas hati bergelar Naib Johan selepas gagal

menyerlah daripada Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan selaku Johan. Saudara Izzudeen Ayub daripada FPSK telah dinobatkan sebagai Pendebat Terbaik.

Naib Canselor USIM, Y. Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda dalam ucapan perasmianya berkata, kemahiran pengucapan awam seperti debat dan pidato merupakan satu nilai tambah kepada mahasiswa untuk membina karakter diri mereka. Disinilah mahasiswa dapat menyuarakan pandangan dan idea yang kritis serta mengupas isu-isu yang diperdebatkan dengan fakta secara rasional.



Profesor Dr Musa Ahmad Dilantik Timbalan Naib Canselor (Akademik Dan Antarabangsa) USIM Yang Baru

Oleh : Mohd Hariri Mohamad Daud

Dekan Fakulti Sains & Teknologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Profesor Dr. Musa Ahmad dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang baru bermula 15 Mei 2010.

Beliau dilantik menggantikan Profesor Dato' Dr Muhamad Muda yang telah dilantik sebagai Naib Canselor USIM pada 1 Disember 2009.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kelas Pertama) UKM, M.A (Instrumental & Analytical Science) dan PhD (Optical Chemical Sensor) dari University of Manchester.

Penguasaan beliau sebagai ahli akademik dapat dilihat melalui penyelidikan dalam bidang sains dan pernah memenangi beberapa anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa seperti memenangi pingat emas di International Invention Geneva pada tahun 2005 dan memenangi pingat emas di Ekspos Penyelidikan dan Inovasi UKM.

Selain itu, beliau telah dianugerahkan The Royal Society of London & Academy of Science Malaysia Exchange Programme pada tahun 2000 untuk program sebatikal di University of Kent, Canterbury, UK. Beliau juga aktif dalam penglibatan akademik di



TNC Akademik baru sedang beramah mesra dengan pengurusan USIM.

organisasi-organisasi swasta dan awam dalam penggubalan kurikulum untuk Kementerian Pendidikan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia. Beliau juga banyak terlibat memberikan ceramah berkaitan penyelidikan dalam dan luar negara antaranya di University of Santa Thomas, Manila, University of Indonesia, Jakarta, Universitas Sumatera Utara, Indonesia dan banyak lagi. Disamping itu, beliau aktif dalam penulisan jurnal dan lebih dari 20 tulisan beliau diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

Kepakaran yang dimilikinya membuatkan beliau terlibat secara

langsung dalam pembangunan kepakaran penyelidikan sensor kimia dan biosensor Universiti Kebangsaan Malaysia bermula tahun 1995 hingga 2005. Kumpulan penyelidik Sensor Kimia dan biosensor ini telah menerima pelbagai anugerah dan penghargaan di peringkat antarangsa dan nasional disamping melakukan penyelidikan seperti pembinaan sensor kimia untuk penentuan kepedasan cili, pembinaan biosensor kimia berdasarkan teknik sol-gel untuk analisis pestisid dan sebagainya.

USIM, INCEIF Perkasa Kewangan Islam

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail

“ Perkembangan produk yang berlaku pada masa kini adalah sangat pesat dan perlunya kawalan yang kemas dengan mengikur prosedur yang tertentu berlandaskan pandangan fiqh dan Syariah **”**

Dalam memperkasakan bidang kewangan di Malaysia sekaligus memberi impak kepada seluruh dunia Islam, USIM telah mengambil inisiatif menjalankan kerjasama dengan International Centre For Education in Islamic Finance (INCEIF) iaitu sebuah universiti berasaskan industri khas dalam bidang kewangan Islam.

Melalui kerjasama ini Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) USIM dan Institut Pengurusan harta dan Kewangan Islam (IFWMI) USIM menjadi entiti yang menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang kewangan Islam. Ini dibuktikan dengan penyelidikan dan kerjasama industri yang kukuh antara USIM dengan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan juga pihak-pihak swasta yang berkaitan.

Menurut Presiden INCEIF, Y.Bhg. Dato' Agil Natt, melalui kerjasama sebegini, pihak INCEIF dan USIM dapat bertukar pandangan dan pendapat serta dapat menyediakan rangka kerja dalam mempromosi dan membuat penyelidikan tentang kewangan Islam.

"USIM mengambil pendekatan serius berkenaan perkembangan ekonomi Islam, perbankan, takaful dan pengurusan aset khususnya dalam penghantaran produk (product delivery) dan disinilah peranan USIM untuk merealisasikannya," kata Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda, Naib Canselor USIM semasa berucap di Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara USIM dengan INCEIF.



Upacara menandatangani MoU

"Perkembangan produk yang berlaku pada masa kini adalah sangat pesat dan perlunya kawalan yang kemas dengan mengikur prosedur yang tertentu berlandaskan pandangan fiqh dan Syariah," tambah beliau lagi.

"Atas kesedaran inilah FEM dan IFWMI perlu bertindak untuk melatih pelajar-pelajar yang mampu menjadi rujukan kepada ekonomi kewangan Islam kelak samada di peringkat negara maupun global," kata Y.Bhg. Profesor Dato' Muhamad Muda.

Menurut Presiden INCEIF, Y.Bhg. Dato' Agil Natt, melalui kerjasama sebegini, pihak INCEIF dan USIM dapat bertukar pandangan dan pendapat serta dapat menyediakan rangka kerja dalam mempromosi dan membuat penyelidikan tentang kewangan Islam.



Dato' Agil Natt,
presiden INCEIF bertukar
dokumen dengan
Naib Canselor USIM

USIM @ MEDIA

Idea bernes dan wawasan Y.Bhg. Profesor Dato Dr Muhamad Muda, Naib Canselor USIM bukan sahaja bergema di dalam wacana ilmiah universiti malah dikongsi dengan masyarakat menerusi temubual eksklusif di media massa.

Menyedari peranan media sangat membantu kepada publisiti dan imej USIM, maka hubungan baik dan kerjasama erat terus terjalin di antara media dan USIM. Sejak dilantik sebagai Naib Canselor USIM pada Disember 2009, Dato' Naib

Canselor telah beberapa kali muncul di kaca TV dalam rancangan berbentuk wacana ilmu.

USIM juga cukup bertuah kerana beberapa kali dipilih sebagai lokasi pergambaran rancangan-rancangan media seperti Perspektif kita ASTRO AWANI, Sudut Pidato ASTRO AWANI, Al-Hidayah TV 3 dan sebagainya. Semoga hubungan baik USIM dan Media terus berpanjangan bagi mengangkat imej dan citra USIM dipentas masyarakat.

SENARAI PROGRAM USIM @ MEDIA SEPANJANG JANUARI – APRIL 2010

| Bil | Tarikh | Rancangan | Perkara | Tetamu |
|-----|---------------|----------------------------------|---|--|
| 1. | 4 / 2 / 2010 | Al-Hidayah TV 3 | 1. Rakaman di sekitar kampus USIM 2. Tembual Segmen Doa | Ustaz Hamadallah Mohamad Salleh (FPBU) |
| 2. | 16 / 2 / 2010 | Suara Siswa TV 1 | Temubual Isu Siswa : Penagih Tegar dadah? | Saudara Abdullah Long (NYDP 1 MPP) |
| 3. | 19 / 2 / 2010 | Malaysia Hari Ini (MHI) TV 3 | Temubual Isu Hari Antidadah Kebangsaan 2010 sempena PREVENT 2010 | Profesor Datin Sri Dr Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (FKP) |
| 4. | 21 / 2 / 2010 | Agenda Awani (ASTRO AWANI) | Temubual Isu Pengantarabangsaan Universiti | Profesor Dato' Dr Muhamad Muda (Naib Canselor) |
| 5. | 29 / 1 / 2010 | Promo Negeri.fm Zon 4 | Promo USIM sempena Karnival Jom Masuk U (KPTN) | Staf Unit Komunikasi Korporat |
| 6. | 4 / 2 / 2010 | Suara Kampus Radio Negeri.FM | Temubual sempena Karnival Jom Masuk U KPTN Zon 4 | En Mohd Hariri Haji Mohamad Daud (UKK) |
| 7. | 6 / 2 / 2010 | Rancangan Khas sempena KPTN Zon4 | Temubual sempena Karnival Jom Masuk U KPTN Zon 4 | Prosefor Dato' Dr Muhamad Muda (Naib Canselor) |
| 8. | 25 / 2 / 2010 | Diari Kampus Radio 24 Bernama | Temubual sempena Minggu Integriti Relajar | 1. Tuan Haji Mazlan Nawang (HEP) 2. Sdr Muhammad Hilmi Juhari (YDP MPP) |
| 9. | 5 / 3 / 2010 | Agenda Awani (ASTRO AWANI) | Temubual Isu Komprehensif Kewangan Islam | Profesor Dr Hajjah Mustafa Zakaria (FEM) |
| 10. | 5 / 3 / 2010 | Remaja Radio IKIM.FM | Temubual Isu Hari Anti dadah Kebangsaan sempena PREVENT 2010 | 1. Muhammad Hilmi Juhari (YDP MPP) 2. Akalili Zubair (NYDP MPP) |
| 11. | 18 / 3 / 2010 | Diari Kampus Radio 24 Bernama | Temubual tentang program Permata Insan | Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani. (FKP) |
| 12. | 29 / 3 / 2010 | Diari Kampus Radio 24 Bernama | Temubual sempena Kejohanan Golf Amal Tuanku Najihah | En Nur Ekmal Buhary (Pusat Sukan) |
| 13. | 5 / 4 / 2010 | Dari Luar Lingkungan TV 1 | Temubual Isu Model Ekonomi : Transformasi Negara | Profesor Dato' Dr Muhamad Muda (Naib Canselor) |
| 14. | 23 / 4 / 2010 | Persada Jurnal TV 1 | Temubual promosi Permata Insan | 1. Prof Datin Seri Dr Mizan Adiliah 2. Dr Mohd Rushdan Jailani 3. Prof Dr Zulkiple Abd Ghani |
| 15. | 24 / 4 / 2010 | Sudut Pidato ASTRO AWANI | 1. Pidato pelajar USIM berpidato 2. Temubual bersama Naib Canselor | 1. MPP 2. Naib Canselor |
| 16. | 6 / 4 / 2010 | Perspektif Kita ASTRO AWANI | Rakaman Forum Tajuk Graduan Model Ekonomi Baru | Profesor Dato' Dr Mohamed Asin Dollah |

USIM TUAN RUMAH SUKAN MASUM FASA II 2010

Oleh : Siti Maizatul Akmar Ismail



Edisi Sukan MASUM (Majlis Sukan Universiti Malaysia) Fasa II 2010 telah berlangsung dengan jayanya di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dimana hampir 5000 peserta dikalangan atlit mahasiswa, pegawai, petugas serta sukarelawan terlibat dalam penganjuran ini.

Untuk edisi Sukan MASUM Fasa II pada kali ini, USIM selaku tuan rumah berjaya menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan apabila berjaya menggondol tujuh pingat emas yang mana enam daripadanya adalah dalam acara silat ucap Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Muhammad Muda, Naib Canselor USIM dalam ucapan aluannya semasa Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sukan MASUM Fasa II 2010.

"Semangat beginilah yang perlu diteruskan oleh semua atlit agar terdapat kesinambungan berterusan sehingga ke peringkat yang lebih tinggi. Sukan MASUM pada kali ini juga menyaksikan beberapa peningkatan dari segi kualiti permainan, pencapaian dan pengekalan rekod yang mana ianya merupakan satu pencapaian dan peningkatan yang perlu di beri perhatian agar kualiti sukan setiap atlit lebih meningkat," tambah beliau lagi.

Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sukan MASUM Fasa II 2010 yang telah diadakan pada 30 Mei 2010 dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan.

"Setiap mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan persaingan terutama dalam bidang sukan kerana bersukan merupakan nilai yang sangat penting dalam interaksi sosial dan menjana semangat berpasukan" kata YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia ketika ditemui pada sidang media Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Sukan MASUM II 2010.

Fasa I melibatkan penganjuran di kampus UiTM Arau, perlis dari 15 hingga 20 mei 2010 yang telah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis pada 15 Mei baru-baru ini. Antara sukan yang dipertandingkan di UiTM Arau ialah bandminton, karate do, bola tampar dewan dan bola tampar pantai, hoki wanita, ragbi 15 sebelah, softbol dan tenis. Kemudian diikuti oleh penganjuran fasa II di USIM dari 22 hingga 30 Mei 2010. Sebanyak tujuh acara dipertandingkan iaitu bola baling, bola keranjang, catur, taekwando, boling padang, silat dan kriket.

“ Setiap mahasiswa perlu mempersiapkan diri dengan persaingan terutama dalam bidang sukan kerana bersukan merupakan nilai yang sangat penting dalam interaksi sosial dan menjana semangat berpasukan... ”





Kunjungan Hormat Pengurusan USIM ke Pejabat YAB Menteri Besar Negeri Sembilan



KEPUTUSAN RASMI Sukan staf USIM 2010

Sukan Staf klinik (Universiti Sains Islam Malaysia) USIM telah berlangsung pada 19 hingga 30 April 2010 bertempat di kampus induk USIM. Klinik USIM telah dibahagikan kepada 4 kumpulan iaitu kumpulan Perkhidmatan, Pentadbiran, Fakulti 1 dan Fakulti 2.



KEPUTUSAN PENUH SUKAN ANTARA JABATAN USIM 2010

| ACARA | JOHAN | NAIB JOHAN | KETIGA | KE-4 |
|---------------|----------------|--------------|----------------|----------------|
| Badminton | FAKULTI 1 | PERKHIDMATAN | PENTADBIRAN | FAKULTI 2 |
| Bola Jaring | PERKHIDMATAN | FAKULTI 1 | PENTADBIRAN | FAKULTI 2 |
| Bola Sepak | PERKHIDMATAN | FAKULTI 1 | PENTADBIRAN | FAKULTI 2 |
| Bola Tampar L | PENTADBIRAN | FAKULTI 1 | PERKHIDMATAN | FAKULTI 2 |
| Bola Tampar W | PENTADBIRAN | FAKULTI 1 | PERKHIDMATAN | FAKULTI 2 |
| Boling Padang | PERKHIDMATAN B | FAKULTI 2 B | PERKHIDMATAN A | PENTADBIRAN A |
| Catur | FAKULTI 1 | PENTADBIRAN | PERKHIDMATAN | FAKULTI 2 |
| Futsal L | PERKHIDMATAN A | FAKULTI 1 A | PERKHIDMATAN B | PENTADBIRAN B |
| Futsal W | PENTADBIRAN | FAKULTI 1 | PERKHIDMATAN | FAKULTI 2 |
| Kerum | FAKULTI 2 | PERKHIDMATAN | PENTADBIRAN | FAKULTI 1 |
| Ping Pong | PERKHIDMATAN | FAKULTI 2 | FAKULTI 1 | PENTADBIRAN |
| Sepak Takraw | PERKHIDMATAN | FAKULTI 1 | PENTADBIRAN | |
| Tarik Tali | PENTADBIRAN | PERKHIDMATAN | FAKULTI 2 | FAKULTI 1 |
| Tenis | PERKHIDMATAN | PENTADBIRAN | FAKULTI 1 | FAKULTI 2 |
| Tenpin Boling | PERKHIDMATAN A | FAKULTI 1 A | FAKULTI 2 A | PERKHIDMATAN B |

نبذة عن شخصية الأستاذ الداتوء الدكتور محمد الحاج إلياس

إعداد/ الأستاذ الداتوء الدكتور محمد الحاج إلياس

راجعته وصحته: الدكتورة أسماء بنت عبد الرحمن

أود أن أتحدث عن شخصيتي وحالتي الإجتماعية ووظيفتي المهنية ، فانا الأستاذ الداتوء الدكتور محمد الحاج إلياس، عمري ستون عاما ، وأنا متزوج والحمد لله ، واسم زوجتي السيدة روحاني ، وهي ربة بيت ، ولدي ابنان وبنتان.

أنا من ولاية نجري سمبلان ، واسم قريتي بونجيك ، أحب قريتي ، أشتقق إليها دائما ، وتقطن والدتي في تلك القرية ، وفي الإجازات أعود إليها وأوي لزيارة والدتي وأهلي وأقاربها.

أما عن المراحل الدراسية ، فقد درست المرحلة الإبتدائية في المدرسة الوطنية في قريتي بونجيك ، وبعد ذلك تنقلت من مدرسة إلى مدارس عدة ، حتى المرحلة الثانوية العليا ، أكملت دراستي الجامعية بجامعة موناش، واختارت قسم اقتصاديات التنمية كمادة التخصص ، وتخرجت فيها بدرجة البكالوريوس ، حيث واصلت دراستي لمرحلة الماجستير في نفس التخصص وبالجامعة ذاتها ، وتابعت مسيرتي العلمية وحازت على درجة الدكتوراه.

ومن ثم انطرق الحديث عن وظيفتي التي شغلت بها منذ عام 1967 للميلاد ، ومن بين المناصب التي شغلتها وحتى يومني هذا فتدرج كالتالي:

- 1 محاضر في الجامعة الشمالية الماليزية
- 2 محاضر في الجامعة الوطنية الماليزية
- 3 محاضر في جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

وهناك عدة مناصب شغلت بها أثناء عملي ، فأكفي بذكر بعض منها ، فانا أكاديمي بطبعي ، أحب مهنة التدريس ، ولم أشا أن أغير من وظيفتي كأكاديمي في مسيرتي العلمية والعملية ، فالشخص الذي أحاضر فيه ، فهو عن اقتصاد ماليزيا ، وقد تقاعدت في عام 2005 للميلاد ، وتم تمديد عملى كمحاضر متلاعى ، ومازلت محاضر متلاعى في جامعة العلوم الإسلامية الماليزية ، ويتم تجديد تعاقدي في كل سنه ميلادية . وأشكر جامعتي " جامعة العلوم الإسلامية الماليزية " على خطها المتواصل في دأب مسيرة العلم وخدماته الدائمة نحو جميع أعضاء هيئة التدريس والطلاب المنتمون إليها.

وأود أن أضيف وأنذر الأساتذة الزملاء من أعضاء هيئة التدريس ، بمسؤوليات المحاضرين في الجامعات تبرز كالتالي :

- 1 إلقاء محاضرات في موضوعات التخصص الدقيق للطلبة
- 2 القيام بإجراء البحوث العلمية والميدانية في كل التخصصات على حسب تخصص العضو الأكاديمي ، وفي مجالات متخصصة متعددة
- 3 كتابة المقالات
- 4 تأليف الكتب العلمية
- 5 الاشتراك في خدمة المجتمع
- 6 تنفيذ العمل المطلوب من العضو الأكاديمي باتباع القوانين واللوائح المكتوبة والمطبقة في الجامعة ، والأوامر المنصوصية من إدارة الجامعة بين فينة وفينة.

وأخيرا ، أدعوا للجميع بتضليل خطاهم وسيرهم المتواصل نحو خدمة العلم وأهله.

الانتقاء والتكامل في تعليمية مهارات اللغة العربية بين القدامة والحداثة

الدكتورة / أسماء عبد الرحمن

كلية دراسات اللغات الرئيسية

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ملخص الدراسة:

تعيش مهارات اللغة العربية مجتمعات مشرفات كما يعيش العرب في أسر وقبائل، و ثبات الروابط بينها يفسر إتقانها و استمراريتها في الاستعمال كما يكشف عن مفاهيم العرب ونظرتهم إلى الوجود المبنية على فكرة الجماعة وتعاونها و أثر كل ذلك في وضع اللغة و أداء مهاراتها إلى طبيعة اللغة العربية في تكاملها تعكس حياة واضعيها و